

## Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis

*Farah Ihyani Zakaria  
zfarahilyani@yahoo.com  
Kementerian Pelajaran Malaysia*

*Mohd Aderi Che Noh  
aderi@ukm.my  
University Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Membaca al-Quran dengan betul dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam. Meskipun begitu, kebanyakan pelajar tidak memenuhi ciri-ciri pembacaan al-Quran yang baik sama ada dari sudut fasohah iaitu kelancaran menyebut huruf-huruf al-Quran, kemahiran bertajwid apatah lagi melagukan al-Quran dengan suara yang baik. Bahkan ada yang langsung buta al-Quran. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tarannum al-Quran (KKQ) yang sudah pun mula dilaksanakan sejak dua puluh empat tahun yang lepas. Kajian ini akan mengenal pasti kekuatan dan kekurangan yang berlaku dalam pelaksanaan P&P Tarannum al-Quran KKQ. Kertas kerja ini juga akan mengenengahkan beberapa cadangan bagi memperkasakan peranan GPI dalam memartabatkan pendidikan al-Quran di institusi pendidikan. Kajian ini dilaksanakan di seluruh Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Berasrama Penuh di negeri Selangor yang melaksanakan kurikulum KKQ. Methodologi kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini. Populasi kajian adalah pelajar tingkatan empat yang seramai 106 orang pelajar dan sampel kajian yang pula ialah 78 orang pelajar. Indikator yang berkaitan dengan penilaian pengajaran dan pembelajaran Tarannum al-Quran (KKQ) dijadikan asas dalam membina soal selidik yang terkandung dalam 4 bahagian. Hasil ujian deskriptif menunjukkan sikap dan minat minat pelajar yang tinggi terhadap pembelajaran KKQ walaupun dari aspek pengajaran guru menunjukkan min yang sederhana. Implikasi kajian ialah guru KKQ perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran dengan menggunakan kepelbagaiannya kemahiran dan alat bantu mengajar.

**Kata Kunci:** kelas kemahiran al-Quran, tarannum al-Quran, amalan pengajaran al-Quran, sikap, amalan pembelajaran.

### ABSTRACT

*Reciting al-Quran correctly and fluently is a practice that is recommended in Islam. However, most of students do not fulfill these features either from the point of fasohah, which means fluency in reciting the letters in al-Quran, expertness in tajwid, moreover reciting al-Quran with a good voice. Indeed, there are students who unable to recite al-Quran. Thus, this paper aimed to discuss the assessment of teaching and learning Tarannum al-Quran which has been implemented since twenty four years ago. This study will identify the strength and weakness which occurred in the implementation of Tarannum al-Quran. This paper will also highlight few proposals to empower the role of Islamic education teacher in upgrading Quranic education in teaching institutions. This study was conducted in Islamic Secondary School and boarding school around the state of Selangor that implemented Tarannum curriculum. A method of survey study was used. Study populations were 106 form four students and the sample were 78 students. Indicator which related to the assessment of teaching and learning Tarannum al-Quran was used as the basis of questionnaire which contained 4 sections. Descriptive results showed a great attitude and interest towards*

*learning Tarannum al-Quran despite a moderate min in the aspect of teaching. Implication of this study is teachers should always improve their teaching skills using various skills and teaching aids.*

**Keywords:** *teaching and learning al-Quran, tarannum al-Quran, Quranic teaching practices, attitude, learning practices.*

## PENDAHULUAN

Sejarah pengajaran al-Quran menurut Al-Buti (1991) dan Mohd Yusuf (2000) bermula ketika Nabi Muhammad s.a.w sedang beribadat di Gua Hira'. Baginda dilantik menjadi pesuruh Allah secara rasmi dengan turunnya ayat al-Quran yang pertama. Dengan perutusan kenabian ini, maka bermulalah pendidikan yang bersumberkan wahyu. Hal ini jelas berdasarkan surah al-'Alaq yang mengandungi perkataan *Iqra'* yang memberi erti belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Bacaan yang diajar oleh Jibril a.s dan dibaca oleh Rasulullah s.a.w bukan semata-mata bacaan, tetapi ia dilakukan untuk diikuti dan difahami sehingga Rasulullah s.a.w apabila diturunkan wahyu kepadanya, baginda tidak henti-henti menggerakkan lidah dan bibirnya sehingga Allah S.W.T melarangnya berbuat demikian. Allah S.W.T memberi jaminan kepada rasulNya berkaitan amalan menghafal al-Quran dan membetulkan bacaan rasulNya. Bertepatan firman Allah S.W.T dalam Surah al-Qiamat, ayat 16 dan 17 yang menjelaskan bahawa Rasulullah mempelajari al-Quran melalui malaikat Jibril melalui kaedah mendengar dan memerhatikan bacaan Jibril a.s. Rasulullah s.a.w tidak tergopoh-gapah dalam bacaan dan hanya mengikuti bacaan apabila malaikat Jibril a.s selesai membacanya. (Al-Buti, 1991).

Nabi Muhammad s.a.w memulakan pengajaran al-Quran di rumah baginda, rumah al-Arqam bin Abi Arqam dan seterusnya berkembang ke Madinah. Setelah Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah, pengajaran al-Quran berterusan di rumah baginda dan seterusnya di Masjid Nabawi. Ramai sahabat Baginda mempelajari al-Quran secara hafalan daripada Rasulullah s.a.w hingga lahirlah kumpulan *huffaz* (Al-Buti, 1991). Tegasnya pada peringkat ini para sahabat masih meneruskan kaedah yang dilalui oleh Rasulullah s.a.w dengan Jibril dalam pendidikan al-Quran. Melalui kaedah hafalan ini telah berjaya melahirkan ramai mereka yang mampu membaca dan menghafal al-Quran.

Kesimpulannya terdapat empat langkah pengajaran al-Quran di zaman Rasulullah s.a.w., iaitu pertama, membaca al-Quran dengan betul. Rasulullah s.a.w membaca al-Quran secara *talaqi-musyafahah* dengan malaikat Jibril a.s. Kedua, menerangkan maksud. Hal ini bertujuan untuk memahami apa yang terkandung di sebalik ayat-ayat al-Quran yang dibaca. Ketiga, menghafaz. Selain ayat-ayat al-Quran ditulis di pelepas-pelepas tamar, tulang dan kulit terdapat juga para sahabat yang menghafal ayat al-Quran. Keempat, mengamalkan ajaran al-Quran berdasarkan ajaran yang difahami daripada ayat-ayat yang dihafal.

Kaedah pengajaran al-Quran secara hafalan diteruskan lagi pada zaman sahabat untuk menjamin agar al-Quran berkekalan. Kaedah hafalan bukan sahaja terhad kepada pendidikan al-Quran, malah pendidikan Hadis dan ilmu-ilmu lain. Oleh itu, kaedah hafalan adalah merupakan satu kaedah yang penting dalam mempelajari al-Quran pada zaman sahabat. Tegasnya, pengajaran al-Quran dimulai dengan cara para guru memperdengarkan bacaan surah-surah pendek dan para pelajar mengulanginya beberapa kali bersama guru sehingga terlekat dalam ingatan. Proses ulangan, hafalan dan ingatan ini sangat sesuai pada peringkat kanak-kanak kerana ia dapat menanam benih ketakwaan dan keikhlasan pada diri mereka (Ibnu Khaldun, 2000).

Kaedah pengajaran al-Quran secara hafalan kepada kanak-kanak yang bermula pada usia muda ini berjalan di semua *kuttab* di bawah pemerintahan Kerajaan Islam. Pemerintah memberi penekanan terhadap kepentingan ilmu pengetahuan, di mana sistem pendidikan diperkemaskan. Bangunan sekolah yang disambungkan dengan bangunan masjid menjadi tempat belajar bagi kanak-kanak yang telah mencapai usia lima tahun (Ahmad Mohd Salleh, 1997).

Al-Saboony (1985) menyatakan bahawa bacaan al-Quran berbeza antara sesebuah negeri dengan negeri lain. Hal ini kerana mengikut guru yang dihantar ke negeri tersebut. Para sahabat mengambil bacaan al-Quran daripada Rasulullah s.a.w berdasarkan tujuh jenis bacaan. Walaupun begitu proses pengajaran al-Quran di satu-satu negeri seperti Sham, Iraq dan Kufah adalah berbeza cara bacaan mengikut guru yang mengajar. Contohnya di Sham gurunya adalah Ubai bin Ka'ab, di Kufah gurunya adalah Abdullah bin Mas'ud. Demikianlah berterusannya proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran selepas kewafatan Rasulullah s.a.w hingga Islam datang ke Tanah Melayu pada abad ke 15 (Ahmad Mohd Salleh, 1997), pengajaran dan pembelajaran al-Quran mula tersebar di Tanah Melayu.

## PENDIDIKAN AL-QURAN

Perbahasan berkaitan ilmu mempelajari al-Quran dibincangkan oleh ramai sarjana Islam iaitu Mohd Yusuf (2000), As-Saboony (1985), al-Qamati (1990) dan Abu Soleh (1988). Antaranya ia seharusnya merangkumi perkara-perkara berikut iaitu mengenal huruf-huruf al-Quran, boleh menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul dan jelas mengikut makhraj dan sifat-sifatnya, boleh membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih mengikut hukum tajwid, boleh membaca al-Quran dengan suara dan lagu yang baik, mengetahui maknanya, memahami maksudnya, mengambil pengajaran dan iktibar daripada peristiwa dalam kisah-kisah al-Quran, mengamalkan suruhan dan menjauhi larangan al-Quran, menghayati ajaran dan akhlak al-Quran dalam setiap tindakan, menghafaz ayat-ayat al-Quran dan mengajar al-Quran kepada orang lain.

Sebenarnya, apa yang tersenarai di atas merupakan cara Nabi Muhammad S.A.W. mengajar sahabat-sahabat baginda (Al-Badry 1984). Justeru, Mohd Yusuf (2000) merumuskan bahawa mengajar dan belajar al-Quran itu sangat luas maksudnya merangkumi kurikulum dalam bentuk *Tilawah*: iaitu boleh membaca al-Quran dengan baik dan fasih, kurikulum dalam bentuk *Tafahhum* dan *Tafsir*: iaitu mengetahui makna dan faham maksud ayat-ayat yang dibaca, kurikulum dalam bentuk *Ta'biq*: bermaksud menghayati atau merealisasi ajaran al-Quran dalam hidupnya dengan sepenuh hati dalam semua aspek kehidupan, kurikulum dalam bentuk *Tahfiz*: yakni menghafaz ayat-ayat tertentu daripada al-Quran untuk amalan, bacaan dalam solat dan wirid-wirid, kurikulum dalam bentuk *Tarannum*: ini bermaksud membaca al-Quran dengan suara yang baik dan merdu serta dengan lagu yang sesuai dan kurikulum dalam bentuk *Ta'lîm*: yang bermakna mengajar. Maksudnya berusaha belajar sehingga boleh mengajar orang lain. Dengan cara ini al-Quran boleh berkembang dari satu masyarakat ke satu masyarakat dan dari satu generasi ke satu generasi.

Menurut al-Qardhawi (1992), sebaik-baik zikir adalah membaca al-Quran kalam Allah. Bagi memelihara bacaan yang betul perlulah mengetahui hukum-hukum Tajwid. Menurut Nik Jaafar (1998), bacaan al-Quran yang dikehendaki Allah S.W.T hanyalah bacaan tartil sahaja iaitu bacaan yang elok merangkumi bertajwid, bertahsin dan bertazyin. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Muzzammil pada ayat 4. Nik Jafar (1998) berpendapat bahawa terdapat beberapa kurikulum bacaan al-Quran iaitu tahsin al-Quran, tajwid, tarannum dan bersepodu (tartil).

Guru yang mengajar tilawah al-Quran hendaklah mampu memperdengarkan bacaan dengan baik berdasarkan makharij dan sifat huruf sehingga boleh menimbulkan perasaan khusyuk bila mendengarnya. Bacaannya mestilah dibaca dengan fasih mengikut bahasa Arab fushah. Tegasnya, guru merupakan model terbaik dalam menunjukkan contoh bacaan terbaik. Ibnu Khaldun (2000) mengatakan bahawa guru hendaklah memastikan setiap isi pengajaran dan masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran diselesaikan dahulu sebelum berpindah ke topik lain. Oleh itu dalam pengajaran Tilawah al-Quran, guru hendaklah memastikan para pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru. Setelah guru yakin pelajar telah berjaya menguasai kemahiran bacaan al-Quran yang diajar, barulah guru berpindah ke tajuk pengajaran yang seterusnya. Ahmad (1997) menyatakan bahawa guru hendaklah memastikan pelajar betul-betul memahami topik yang telah dipelajari. Guru juga tidak akan beralih ke topik lain melainkan pelajar telah betul-betul memahami topik yang telah dipelajari.

## ISU DAN PERMASALAHAN

Hampir 24 tahun Program KKQ dilaksanakan di SMKA di seluruh negara. Kini KAA pula dijadikan sebagai medium dasar perluasan SMKA yang turut menjalankan program ini. Namun, sehingga kini terdapat beberapa kelemahan yang dapat dilihat dari sudut pelaksanaannya. Di antaranya ialah keputusan lisan pada bahagian Tarannum yang tidak begitu memberangsangkan. Bagi negeri Kelantan dengan seramai 115 calon bagi tingkatan 3, keputusan mencatatkan hanya 55.7% yang mendapat cemerlang manakala seramai 100 orang calon tingkatan lima dengan catatan 42% yang mendapat cemerlang. Di negeri Perak pula, dengan seramai 67 calon tingkatan tiga, hanya 44.8% mencatat keputusan cemerlang manakala tingkatan lima dengan seramai 47 orang calon hanya 23.4% sahaja mencatat keputusan cemerlang. Di negeri Sarawak pula diwakili oleh 156 orang calon tingkatan tiga hanya mencatat 31.4% pelajar mendapat cemerlang manakala 39% daripada 175 orang calon tingkatan lima mendapat cemerlang dalam bahagian tarannum. Di Sabah pula, 45% daripada 212 pelajar tingkatan tiga mendapat cemerlang manakala 42% daripada 100 orang calon tingkatan lima telah mendapat cemerlang. Secara keseluruhan, kebanyakan SMKA tidak berjaya mencatatkan keputusan yang memberangsangkan di dalam bahagian tarannum jika dibandingkan dengan keputusan pada bahagian *Qiraat as-Sab'ie* dan Hafazan. Walau bagaimana pun, pengkaji mendapati kekerapan guru KKQ yang kerap berkursus membantu meningkatkan prestasi ujian tarannum di sekolah masing-masing.

Di samping itu, berdasarkan analisa keputusan peperiksaan KKQ 2008, bilangan pelajar yang tidak seimbang dalam kalangan SMKA dan KAA yang mendaftar bagi menduduki peperiksaan KKQ. Hal ini menimbulkan persoalan tentang punca ketidakselarasan bilangan yang terlalu ketara. Hasil perbengkelan kursus kemahiran al-Quran di Hotel Landmark Batu Pahat pada 25 hingga 20 Ogos 2002 telah menetapkan kriteria calon yang dikira layak KKQ adalah seperti boleh membaca al-Quran dengan betul dan lancar serta bertajwid, atau pernah berjaya menjadi Johan Tilawah al-Quran di peringkat sekolah, zon atau daerah atau negeri atau kebangsaan (adalah diutamakan), mengetahui sedikit sebanyak tentang lagu-lagu tarannum al-Quran dan telah mengetahui hukum-hukum tajwid dan boleh membaca al-Quran secara bertajwid.

Berkaitan faktor guru, laporan pemantauan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) (2005), mendapati terdapat guru yang mengajar Kemahiran al-Quran tidak mempunyai kemampuan mengajar tarannum dengan betul. Demikian juga dengan mata pelajaran *Qiraat As-Sab'ie*, guru-guru didapati kurang mendapat pendedahan dan kursus yang berkaitan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap laporan pendaftaran peperiksaan KKQ Tingkatan Tiga dan Lima

2008, terdapat guru-guru yang langsung tidak pernah menghadiri sebarang kursus yang berkaitan dengan KKQ. Dalam pada itu terdapat juga guru KKQ yang berpeluang menghadiri kursus yang ditawarkan lebih daripada lima kali (Laporan Pendaftaran Peperiksaan KKQ 2008).

Laporan Pemantauan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) (2005) juga melaporkan bahawa pendekatan guru yang cenderung menggunakan kaedah pengajaran tradisi menyebabkan murid merasa bosan dan kurang aktif. Di samping waktu pembelajaran pada waktu petang mengurangkan minat pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas KKQ. Surat no. ruj KP.5206/3/38 Jld.15(20) bertarikh 25 Februari 1993 yang ditujukan kepada JPN menyatakan bahawa perjalanan kelas KKQ kurang memuaskan di sebahagian SMKA kerana dalam masa aktiviti ini dilaksanakan, aktiviti kokurikulum dan kelas tambahan juga diadakan. Ini menjadikan pelajar yang mengikuti kelas ini menjadi serba salah dan menjadikan kurang minat untuk mengikutinya. Di dalam surat tersebut Bahagian Pendidikan Islam mencadangkan agar sewaktu pelaksanaan KKQ dijalankan, dalam masa yang sama pelajar SMKA yang terlibat dengan kelas ini hendaklah dilibatkan dalam aktiviti tilawah al-Quran. Aktiviti ini boleh dilaksanakan oleh guru-guru Pendidikan Islam yang lain. Ini bertujuan agar dapat melahirkan pelajar-pelajar SMKA lebih baik dan mantap dalam tilawah al-Quran.

Kesimpulannya, masalah-masalah umum dan khusus yang dikemukakan sebagaimana di atas mendorong pengkaji untuk membuat penilaian terhadap pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran Tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ).

## METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan dengan menggunakan soal selidik yang mengkaji berkaitan pengajaran dan pembelajaran KKQ melibatkan seramai responden pelajar tingkatan empat di SMKA di Selangor yang mengikuti kurikulum KKQ. Jumlah responden dalam kajian ini ialah 78 orang. Soal selidik ini juga terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkenaan latar belakang pelajar yang meliputi jantina, pendidikan awal al-Quran di sekolah rendah, khatam al-Quran, latar belakang keluarga dan penyertaan responden dalam pertandingan tilawah al-Quran. Manakala Bahagian B berkaitan sikap pelajar, amalan pembelajaran pelajar dan persekitaran pelajar yang mengandungi 10 item. Bahagian C pula mengandungi item-item permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran serta komponen alat bantu mengajar (ABM). Manakala bahagian D ialah berkaitan kekerapan penggunaan alat bantu mengajar.

## DAPATAN KAJIAN

### Latar Belakang Responden

Bahagian ini akan memaparkan maklumat berkaitan jantina, pembelajaran awal al-Quran dengan ibu bapa atau tidak, status khatam al-Quran, pembelajaran awal tarannum al-Quran di peringkat sekolah rendah, penglibatan keluarga dalam bidang tarannum, penglibatan dalam pertandingan tilawah atau musabaqah al-Quran dan peringkat penyertaan yang pernah disertai oleh responden. Jumlah responden murid lelaki ialah seramai 34 orang (43.6%) manakala jumlah responden murid perempuan adalah seramai 44 orang (56.4%). Dapatan kajian dari segi mempelajari al-Quran dengan ibu bapa atau penjaga pula seramai 75 orang (96.2%) responden adalah terdiri daripada

mereka yang mempelajari al-Quran dengan ibu bapa atau penjaga. Manakala yang tidak mempelajari al-Quran dengan ibu bapa atau penjaga hanya seramai 3 orang sahaja (3.8%). Seterusnya hampir keseluruhan responden (98.7%) iaitu seramai 77 orang telah khatam al-Quran. Manakala hanya seorang saja responden yang belum khatam al-Quran yang mewakili 1.3% daripada keseluruhan responden kajian. Responden yang mempelajari al-Quran bertarannum dengan guru agama di sekolah rendah menunjukkan majoriti responden tidak mendapat pembelajaran awal tarannum al-Quran daripada guru agama sekolah rendah iaitu seramai 59 orang (75.6%). Manakala murid yang pernah mempelajari tarannum daripada guru agama di sekolah rendah adalah seramai 19 orang yang mewakili 24.4% daripada keseluruhan responden. Separuh responden iaitu seramai 55 orang (70.5%) tidak mempunyai saudara terdekat yang terlibat dalam bidang tarannum sama ada ibu bapa, adik beradik atau keluarga terdekat. Manakala 29.5% yang lain didapati mempunyai saudara terdekat yang terlibat dalam bidang pembacaan al-Quran bertarannum. Seramai 42 orang (53.8%) responden pernah terlibat dalam pertandingan tilawah atau musabaqah al-Quran. Manakala 42 orang baki yang lain seramai 36 orang (46.2%) tidak pernah melibatkan diri dalam pertandingan-pertandingan tilawah al-Quran. Seramai 42 orang responden telah dikenal pasti pernah melibatkan diri dalam pertandingan-pertandingan tilawah al-Quran. Peringkat penyertaan tertinggi bagi setiap responden ialah peringkat kampung atau anjuran luar seramai 4 orang (5.1%), peringkat sekolah seramai 12 orang (15.4%), peringkat daerah seramai 17 orang (21.8%), peringkat negeri seramai 5 orang (6.4%) dan peringkat kebangsaan seramai 4 orang (5.1%).

Kesimpulannya jelas menunjukkan perbezaan yang tidak ketara dari segi peratusan responden lelaki dan perempuan iaitu dengan nisbah 43.6% dan 56.4%. Analisis menunjukkan hampir keseluruhan responden mendapat pendidikan al-Quran daripada ibu bapa iaitu dengan 96.2%. Analisis juga turut menunjukkan hanya 24.4% responden yang mendapat pendedahan tentang tarannum daripada guru-guru agama di sekolah rendah. Manakala 75.6% hanya mula belajar tarannum ketika di sekolah menengah. Dari aspek penglibatan keluarga yang bergiat dalam bidang tarannum pula menunjukkan 29.5% responden menyatakan keterlibatan keluarga dalam bidang ini. Namun begitu lebih separuh daripada responden iaitu dengan peratusan 52.6% pernah terlibat dengan pertandingan tilawah iaitu seramai 4 orang di peringkat kampung atau anjuran luar, 12 orang di peringkat sekolah, 17 orang di peringkat daerah, 5 orang di peringkat negeri dan 4 orang di peringkat kebangsaan. Pernyataan tersebut berdasarkan peringkat tertinggi pertandingan al-Quran yang pernah disertai.

### **Dapatan Deskriptif**

Skor min paling tinggi bagi sikap pelajar ialah item ‘belajar tarannum menguatkan lagi semangat untuk rajin membaca al-Quran’ iaitu 4.62 dan sisihan piawai 0.59, diikuti ‘perasaan seronok mempelajari tarannum’ dengan skor min 4.56 dan sisihan piawai 0.62 iaitu pada tahap tinggi. Kemudian diikuti dengan item ‘tarannum penting dalam menjiwai al-Quran’ ( $\text{min}=4.51$ ,  $s.p=0.60$ ), ‘membaca al-Quran bertarannum memberi ketenangan jiwa’ ( $\text{min}=4.45$ ,  $s.p=0.62$ ), item ‘berazam untuk menguasai tarannum dengan baik’ ( $\text{min}=4.44$ ,  $s.p=0.7$ ) dan item ‘tarannum susah untuk dipelajari’ ( $\text{min}=4.33$ ,  $s.p=0.99$ ). Skor min bagi item ‘bosan belajar tarannum’ pula 4.23 dan sisihan piawai 1.10 manakala item ‘mempelajari tarannum kurang menarik dan menyebabkan mengelakkan daripada kelas’ mencatat skor min 4.05 dan sisihan piawai 1.21. Item-item yang mencatat skor min pada tahap sederhana tinggi ialah item ‘berusaha terlibat secara aktif dalam kelas tarannum’ ( $\text{min}=3.99$ ,  $s.p=0.81$ ) dan item ‘mudah berputus asa dalam menguasai tarannum’ ( $\text{min}=3.23$ ,  $s.p=1.19$ ).

Walau bagaimanapun min keseluruhan untuk faktor input sikap pelajar dari aspek minat masih pada tahap tinggi iaitu 4.35 dan sisihan piawai 0.55. Tegasnya, dapatkan kajian menunjukkan sikap positif pelajar yang tinggi dan minat yang mendalam terhadap P&P Tarannum al-Quran KKQ khususnya. Ini merupakan satu bonus kepada perkembangan kurikulum Tarannum al-Quran di dalam sistem pendidikan kerana mempunyai generasi yang mempunyai minat yang tinggi dalam mempelajari bacaan al-Quran bertarannum sebagaimana yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad s.a.w agar melagukan al-Quran dengan irama arab.

Manakala item-item amalan pembelajaran pelajar dalam menguasai tarannum ialah item ‘bertanya kepada rakan yang mahir’ iaitu 3.96 dan sisihan piawai 1.11, diikuti item ‘sentiasa mengulang-ulang bacaan tarannum al-Quran’ dengan 3.86 dan sisihan piawai 0.92. Kemudian diikuti dengan item ‘belajar tarannum dengan pita rakaman atau CD’ (min=3.42, s.p=1.23), item ‘mempelajari al-Quran bertarannum secara individu dengan guru di sekolah’ (min=3.41, s.p=1.04), item ‘belajar al-Quran dengan rakan yang lebih baik bacaannya’ (min=3.28, s.p=1.16), item ‘mempraktikkan tarannum secara bersendirian’ (min=3.23, s.p=1.17) dan diikuti dengan item ‘sentiasa merujuk guru untuk menyelesaikan kemusykilan dalam pembacaan tarannum al-Quran (min=3.22, s.p=1.05). Keseluruhan skor min item yang telah disebutkan menunjukkan tahap sederhana tinggi. Manakala item yang tergolong di dalam tahap sederhana rendah ialah item ‘gemar melayari internet yang berkaitan dengan pembacaan qari-qari masyhur’ (min=3.00, s.p=1.18) dan skor min paling rendah ditunjukkan oleh item ‘gagal mengingati alunan tarannum tanpa bimbingan guru’ dengan skor min iaitu sebanyak 2.26 dan sisihan piawai 0.95.

Tegasnya min keseluruhan amalan pembelajaran pelajar masih pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.33 dan sisihan piawai 0.62. Secara keseluruhannya, amalan pembelajaran pelajar dalam menguasai sukatan tarannum KKQ masih belum memuaskan memandangkan skor min keseluruhan agak rendah walaupun masih berada pada tahap sederhana tinggi. Ini tidak selari dengan dapatan pada elemen sikap pelajar yang berada pada tahap tinggi. Seharusnya, amalan pembelajaran pelajar adalah seimbang dengan sikap yang ditunjukkan oleh pelajar supaya objektif dapat dicapai seoptimumnya. Dapatkan kajian ini juga selari dengan Mohd Aderi (2008) yang mendapati amalan pembelajaran pelajar terhadap tilawah al-Quran berada pada tahap sederhana (min=3.445, sp=0.542). Oleh itu strategi pengajaran guru perlu selaras dengan gaya pembelajaran pelajar untuk menghasilkan pembelajaran berkesan.

Dapatkan berkaitan persekitaran pelajar dalam menguasai tarannum melibatkan item ‘perasaan tercabar dengan kebolehan kawan-kawan yang mampu bertarannum’ iaitu 4.29 dan sisihan piawai 0.79, diikuti item ‘pengaruh ibu bapa atau penjaga tentang penguasaan bacaan al-Quran’ dengan 4.23 dan sisihan piawai 0.95. Kemudian diikuti dengan item ‘suasana dalam bilik darjah selesa untuk belajar tarannum al-Quran’ (min=4.19, s.p=0.79), item ‘kemudahan di dalam bilik KKQ membolehkan guru mengajar tarannum dengan lebih baik’ (min=4.15, s.p=0.84) dan item ‘bilangan pelajar KKQ di dalam kelas adalah sesuai’ (min=4.13, s.p=0.84).

Manakala tujuh item dikenal pasti skor minnya berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item ‘terpengaruh dengan kawan-kawan di tempat tinggal dan asrama untuk mempelajari al-Quran bertarannum’ (min=3.72, s.p=1.17), item ‘kandungan buku teks memudahkan untuk memahami asas tarannum’ (min=3.63, s.p=1.26), item ‘ibu bapa atau penjaga berjaya mewujudkan suasana yang mendorong penguasaan al-Quran bertarannum’ (min=3.59, s.p=0.97), item ‘sekolah yang berjaya mewujudkan suasana yang mendorong penguasaan tarannum al-Quran dengan pelbagai aktiviti menarik’ (min=3.45, s.p=1.10), item ‘mempelajari al-Quran di rumah lebih banyak

memberi kesan untuk menguasai al-Quran' ( $\text{min}=3.45$ ,  $s.p=1.04$ ), item 'guru Pendidikan Islam di sekolah kurang berusaha untuk mewujudkan suasana yang mendorong penguasaan tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.28$ ,  $s.p=1.24$ ) dan item 'persekitaran pembelajaran al-Quran oleh guru agama di tempat tinggal' ( $\text{min}=3.15$ ,  $s.p=1.09$ ).

Di samping itu terdapat dua item yang mencatat skor min pada tahap sederhana rendah sahaja iaitu pada item 'guru-guru selain guru Pendidikan Islam di sekolah mendorong untuk menguasai Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=2.91$ ,  $s.p=1.15$ ) dan item 'himpunan subjek-subjek akademik lain yang banyak mengurangkan semangat dalam mempelajari tarannum al-Quran' ( $\text{min}=2.53$ ,  $s.p=1.33$ ). Manakala min keseluruhan bagi persekitaran pelajar adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.62 dan sisihan piawai 0.43. Secara keseluruhannya dapatan kajian ini didapati selari dengan dapatan Mohd Aderi (2004) dan Salwati (2008) dan yang melaporkan bahawa pengaruh persekitaran yang terdiri daripada rakan sebaya, ibu bapa, keluarga, guru, persekitaran sekolah dan tempat tinggal sebagai faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar.

Dapatan kajian berkaitan penilaian pengajaran didapati min item paling tinggi ialah 4.38 dan sisihan piawai 0.79 iaitu pada item 'memulakan pengajaran Tarannum al-Quran dengan bacaan contoh ayat al-Quran' yang berada pada tahap tinggi. Seterusnya item-item lain hanya berada pada tahap sederhana tinggi sahaja iaitu item 'memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali mengajar Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.97$ ,  $s.p=1.01$ ), item 'memastikan pelajar bersedia setiap kali waktu pengajaran' ( $\text{min}=3.85$ ,  $s.p=0.91$ ), item 'memulakan pengajaran Tarannum al-Quran dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada' ( $\text{min}=3.78$ ,  $s.p=1.04$ ), item 'menyusun langkah-langkah pengajaran Tarannum al-Quran secara sistematik' ( $\text{min}=3.71$ ,  $s.p=103$ ), item 'menepati waktu semasa memulakan pengajaran Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.62$ ,  $s.p=1.05$ ), item 'mempelbagaikan set induksi setiap kali pengajaran Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.58$ ,  $s.p=1.01$ ) dan item 'melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian pelajar untuk belajar Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.32$ ,  $s.p=1.16$ ). Manakala item 'soalan yang dikemukakan pada masa permulaan pengajaran merangsang semangat belajar' ( $\text{min}=3.26$ ,  $s.p=1.15$ ) mempunyai nilai min terendah. Secara keseluruhan elemen komponen permulaan pengajaran guru dalam P&P Tarannum al-Quran KKQ pada persepsi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu min 3.72 dan sisihan piawai 0.73.

Komponen perkembangan pengajaran guru menurut persepsi pelajar berada pada tahap tinggi. Item-item tersebut ialah item 'guru mempunyai ilmu pengetahuan yang luas tentang ilmu tarannum al-Quran' ( $\text{min } 4.56$ ,  $s.p=0.71$ ), item 'guru menggalakkan saya menguasai bacaan al-Quran bertarannum berserta dengan bertajwid' ( $\text{min}=4.47$ ,  $s.p=0.72$ ), item 'guru tidak dapat mengawal bilik darjah dengan baik semasa mengajar Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=4.32$ ,  $s.p=0.92$ ), item 'guru menunjukkan bacaan contoh yang menarik di setiap kali pengajaran Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=4.31$ ,  $s.p=0.81$ ), item 'guru memberi pujian kepada pelajar yang dapat menguasai bacaan al-Quran bertarannum' ( $\text{min}=4.31$ ,  $s.p=0.67$ ), item 'guru meminta setiap pelajar mengulang-ulang bacaan yang diajar' ( $\text{min}=4.15$ ,  $s.p=0.99$ ), item 'guru membentulkan bacaan setiap pelajar yang bermasalah semasa pengajaran' ( $\text{min}=4.14$ ,  $s.p=0.90$ ), item 'guru mempelbagaikan contoh alunan semasa mengajar bacaan Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=4.13$ ,  $s.p=0.84$ ) dan item 'guru memberi peluang kepada murid untuk membaca secara bertarannum di dalam kelas' ( $\text{min}=4.13$ ,  $s.p=1.07$ ).

Manakala 14 item yang dikemukakan berada pada tahap sederhana tinggi. Item-item tersebut ialah item 'guru bersemangat mengajar walaupun kepada pelajar yang lemah menguasai Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=4.00$ ,  $s.p=1.03$ ), item 'guru menekankan bacaan al-Quran bertarannum walaupun mengajar bidang hafazan dan qiraat' ( $\text{min}=3.97$ ,  $s.p=0.94$ ), item 'guru dapat menyampaikan

pengajaran yang menarik' ( $\text{min}=3.95$ ,  $s.p=0.92$ ), item 'guru menyampai pengajaran Tarannum al-Quran dengan tersusun dan lancar' ( $\text{min}=3.94$ ,  $s.p=0.96$ ), item 'guru menjawab persoalan pelajar dalam bilik darjah dengan jelas' ( $\text{min}=3.92$ ,  $s.p=0.88$ ), item 'guru membahagikan pelajar mengikut kumpulan kecil untuk aktiviti pembelajaran' ( $\text{min}=3.83$ ,  $s.p=1.07$ ), item 'penerangan guru semasa mengajar bacaan al-Quran bertarannum mudah difahami oleh murid' ( $\text{min}=3.72$ ,  $s.p=1.06$ ), item 'guru mengajar dengan menggunakan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran' ( $\text{min}=3.71$ ,  $s.p=1.07$ ), item 'guru memberi perhatian kepada setiap individu semasa mengajar' ( $\text{min}=3.64$ ,  $s.p=1.03$ ), item 'guru sering menyuruh pelajar yang baik bacaannya untuk memperdengarkan bacaan tarannum' ( $\text{min}=3.64$ ,  $s.p=1.06$ ), item 'guru dapat mengajar Tarannum al-Quran walaupun peruntukan masa pengajaran terhad' ( $\text{min}=3.40$ ,  $s.p=1.28$ ), item 'guru menyemak bacaan Tarannum al-Quran pelajar' ( $\text{min}=3.38$ ,  $s.p=1.26$ ), item 'guru memberi penekanan pengajaran kepada murid yang lemah' ( $\text{min}=3.31$ ,  $s.p=1.15$ ) dan item 'guru melibatkan rakan-rakan yang lebih baik bacaan bertarannum untuk mengajar tarannum al-Quran secara berkumpulan' ( $\text{min}=3.03$ ,  $s.p=1.22$ ).

Manakala item-item pada tahap sederhana rendah pula ialah sebanyak 2 item sahaja iaitu item 'guru memberi peluang kepada pelajar bergiat aktif semasa P&P' dan item 'guru sering menyuruh pelajar yang baik bacaan untuk memperdengarkan bacaan bertarannum'. Kedua-dua item mempunyai nilai min dan sisihan piawai yang sama iaitu min 2.42 dan sisihan piawai 1.13. Oleh itu, min keseluruhan bagi penilaian komponen perkembangan pengajaran guru pada persepsi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.85 dan sisihan piawai 0.55.

Penilaian penutup pengajaran guru pada persepsi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi dengan min keseluruhan 3.44 dan sisihan piawai 0.84. Nilai min yang paling tinggi ialah pada item 'guru merumuskan pengajaran Tarannum al-Quran yang disampaikan' ( $\text{min}=3.83$ ,  $s.p=1.01$ ). Ini diikuti dengan item 'guru sering memberi maklumat dan nasihat peluang-peluang pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi' ( $\text{min}=3.83$ ,  $s.p=1.10$ ), item 'guru berkesempatan menilai kemampuan pelajar bertarannum' ( $\text{min}=3.55$ ,  $s.p=1.05$ ) dan item 'guru berbincang dengan pelajar untuk meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran bertarannum' ( $\text{min}=3.28$ ,  $s.p=1.21$ ). Keempat-empat item yang disebutkan berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala nilai min terendah didapati pada item 'guru menyediakan pengajaran tambahan untuk pelajar yang lemah dalam penguasaan Tarannum al-Quran' dengan nilai min 2.68 dan sisihan piawai 1.22.

Penilaian komponen bahan bantu mengajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.21 dan sisihan piawai 0.93. Terdapat 7 item yang berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item 'guru hanya menggunakan buku teks sebagai alat bantu mengajar' ( $\text{min}=3.71$ ,  $s.p=1.20$ ), item 'guru menggunakan alat bantu mengajar yang menarik untuk pengajaran Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.60$ ,  $s.p=1.24$ ), item 'alat bantu mengajar yang guru sediakan membantu menguasai Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.53$ ,  $s.p=1.15$ ), item 'guru mempelbagaikan alat bantu mengajar setiap kali pengajaran Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.26$ ,  $s.p=1.28$ ), item 'guru hanya menggunakan kitab al-Quran sebagai bahan pengajaran Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.12$ ,  $s.p=1.37$ ), item 'guru menggunakan pita rakaman semasa mengajar Tarannum al-Quran' ( $\text{min}=3.09$ ,  $s.p=1.34$ ) dan item 'guru menggalak pelajar mencari informasi dan contoh-contoh bacaan al-Quran bertarannum daripada internet' ( $\text{min}=3.03$ ,  $s.p=1.38$ ).

Berkaitan kekerapan penggunaan ABM, bahan yang boleh dikatakan sering digunakan ialah buku teks dan papan tulis sahaja yang menunjukkan tahap sederhana tinggi iaitu min masing-masing ialah 3.67 dan 3.73. ini bermaksud, murid berpandangan bahawa guru-guru lebih selesa menggunakan

alat bantu mengajar yang boleh dikategorikan sebagai tradisional. Penggunaan komputer secara umumnya berada pada tahap sederhana rendah sahaja iaitu dengan nilai min 3.13. Manakala persepsi pelajar terhadap penggunaan BBM yang bersifat agak terkini seperti kaset masih berada di tahap sederhana rendah dengan nilai min 2.55. Bahan-bahan bantu mengajar seperti CD dan LCD berada pada tahap sederhana rendah manakala jaringan internet, radio, laman web dan televisyen hanya menunjukkan min pada tahap rendah.

Kesimpulanya dapatan kajian mendapati bahawa penilaian amalan pengajaran dalam kajian ini berada pada bentuk perubahan inkremental yang memerlukan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan dari semua pihak yang terlibat. Manakala komponen pengajaran menggunakan ABM seharusnya diberi perhatian yang lebih khusus memandangkan nilai min yang didapati daripada berada paling rendah menghampiri sederhana rendah iaitu 3.21.

## RUMUSAN

Kajian ini telah memaparkan keadaan sebenar yang berlaku di dalam pelaksanaan P&P Tarannum al-Quran KKQ yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) di Selangor. Kualiti guru dan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah bagi menjalankan KKQ perlu dipantau agar pelaksanaan kurikulum KKQ dapat disempurnakan dengan jayanya. Cadangan kepada guru-guru KKQ sebagai pelaksana P&P Tarannum al-Quran khususnya agar mempertingkatkan kemahiran tarannum al-Quran dan kemahiran ikhtisas perguruan dalam bidang kemahiran al-Quran umumnya.

Abdullah (1995), menegaskan bahawa guru merupakan agensi yang paling berkesan dalam pengajaran dan pendidikan. Betapa baik pun sistem pendidikan yang disusun, namun sekiranya agensi yang bertanggungjawab tidak berkemampuan dan berpotensi, tentulah sukar dicapai matlamatnya. Oleh itu, guru perlu memiliki ilmu dan kaedah pengajaran. Ini kerana guru bukan sahaja merupakan pemimpin dan pendidik yang sentiasa menunjuk ajar serta melatih pelajar-pelajarnya bahkan juga sebagai pakar rujuk yang dapat menyelesaikan sebarang persoalan atau kemosyikilan pelajar. Justeru, kompetensi guru Pendidikan Islam yang dapat menguasai ilmu-ilmu asas tilawah al-Quran secara menyeluruh amatlah penting untuk melaksanakan dasar-dasar pendidikan sehingga tercapai objektifnya iaitu melahirkan anak-anak yang cintakan al-Quran serta memiliki kemampuan bacaan al-Quran yang bermutu tinggi. Ilmu-ilmu asas tentang bacaan tartil al-Quran sebagaimana bacaan Rasulullah S.A.W hendaklah disusun, dinilai semula dan disesuaikan di pelbagai peringkat. Pendidikan kurikulum al-Quran adalah hak asasi semua pelajar muslim. Ia bukan sekadar berjaya khatam secara bertalaqqi dengan guru-guru al-Quran tetapi berjaya menghasilkan bacaan al-Quran yang bermutu tinggi. Justeru, pihak berwajib seharusnya menggiatkan kajian tentang setakat mana pelaksanaan kurikulum pendidikan al-Quran dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Pihak guru dan bakal guru hendaklah mengetahui komponen-komponen pendidikan al-Quran dengan lebih mendalam agar dapat membimbing para pelajar dengan lebih yakin dan berkaliber.

## RUJUKAN

- Abu Soleh, Muhibbuddin Ahmad.(1988). *Asasiyyat fi Turuq al-Tadris al-Ammah*. Riyadh: Dar al-Huda.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- al-Badry, Muhammad Abdullah al-Mahdy. (1984). *Al-Quran al-Karim Tarikhuhu wa 'Ulumuhu*. Dubai: Dar al-Qalam.

- al-Buti, Said Ramadhan. (1991). *Fiqh serah nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.
- Buku Peraturan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan (Pindaan) 2004, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ibn Khaldun. (2000). *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2005. *Laporan Pemantauan Peperiksaan Kelas Kemahiran al-Quran*. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Keputusan Ujian Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (2008)*. JAPIM *Laporan Pendaftaran Peperiksaan KKQ 2008*. JAPIM.
- Mohd. Yusof Ahmad. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Jaafar bin Nik Ismail. (1998). Buku Qawaид Tarannum: Cara Berlagu. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-Qamaty, Ramadhan Saad. (1990). At-Tarbiyyah al-Islamiyyah Lil Marhalah al-Ula. Juz. 2. Tarablus: Dar Iqra'.
- al-Qardhawi, Yusuf. (1999). *Kaifa nataamul maal Quran al-Azim*. Kaherah: Dar as-Syuruk.
- as-Saboony, Muhammad Ali. (1985). *At-Tibyan fi Ulumul Quran*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Salwati binti Su @ Hassan. 2008. Pengaruh faktor persekitaran sekolah terhadap pembentukan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Gombak, Selangor. *Kertas Projek Sarjana*. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## BIODATA PENGARANG

**Farah Ihyani binti Zakaria**, Guru di Sekolah Dato' Abu Bakar Baginda, Sepang, Selangor dan pensyarah sambilan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

**Mohd aderi Che Noh**, Pensyarah Kanan , Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan UKM. Bidang Kepakaran: Pedagogi Pendidikan Islam.

